

26/08/2003

Usah biar filem racuni pemikiran pelajar

KEBEBASAN memanglah ciri yang amat diinginkan, tetapi perlu juga ada batasannya. Jika sesebuah filem yang mempunyai terlalu banyak unsur ganas atau memaparkan adegan seks keterlaluan dibenarkan untuk tayangan, ia akhirnya akan mendatangkan kemudaratan. Inilah perkembangan yang dibimbangi. Seperti kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, unsur ganas dan seks dalam filem nampaknya menjadi ikutan dan satu daripada sebab menularnya budaya samseng di kalangan pelajar sejak akhir-akhir ini. Perdana Menteri juga kesal kerana apabila sesebuah filem hendak ditapis, ada kalangan pula yang mempersoalkan tindakan itu dengan alasan ia menyekat kebebasan.

Hampir sebahagian besar daripada filem yang mempunyai unsur negatif dikeluarkan industri perfileman Amerika dan Hong Kong dengan diiringi pelbagai daya penarik dan promosi, selain menampilkan pelakon handalan pujaan ramai. Sejajar inilah, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kerajaan melalui Lembaga Penapisan Filem (LPF) akan mengetatkan lagi syarat kelulusan filem dalam kategori itu. Penapisan akan dibuat bagi memastikan adegan seks dan ganas yang keterlaluan dibuang sehingga tahap minimum, tanpa menjejaskan jalan cerita. Langkah lebih tegas itu adalah antara usaha untuk menangani masalah kemerosotan disiplin di kalangan pelajar, termasuk di sekolah berasrama penuh.

Masalah disiplin ini terbukti dengan beberapa kes penderaan membabitkan pelajar hingga ada yang menyebabkan kecederaan parah kepada mangsa. Lebih membimbangkan ialah wujudnya budaya ala samseng diamalkan di kalangan pelajar senior seperti berlaku di Ipoh. Mereka yang sudah dibuang sekolah itu didapati cuba menghidupkan semula kumpulan sulit yang terbabit mendera pelajar junior. Kita tidak boleh menolak hakikat semua itu ditiru dan bercambah daripada idea ditonton dalam filem berunsur ganas terutama di televisyen. Pengedaran VCD filem berunsur sama juga memudahkan ia sampai kepada golongan yang sedang meningkat remaja sehingga meracuni pemikiran mereka.

Dalam menangani isu ini, kita tidak harus ketepikan bahaya video klip lagu Barat yang kadangkala memaparkan unsur seks melampau dan mengghairahkan terutama melalui stesen televisyen satelit. Atas nama kemajuan dan hidup seiring kecanggihan teknologi maklumat, dalam senyap-senyap remaja kita diracuni dan cuba diheret sama oleh artis Barat ke dalam dunia mereka yang semakin kucar-kacir dengan seks bebas dan perlakuan ganas tidak terbatas. Inilah yang harus diseekat.